



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

JUN 15 BILANGAN 4 RABU 28 JANUARI, 1970 1389 ذوالقعيد 20 رابو PERCHUMA

Dua orang pegawai kerajaan di-kurniakan gelaran "Pehin"

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran 'Pehin' kepada dua orang pegawai tinggi Kerajaan Baginda dalam dua istiadat yang berasingan yang di-langsungkan di-Lapau Bandar Brunei.

Mereka yang di-anugerahkan gelaran Pehin itu ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Utama Awang Idris Talog Davies dan Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Utama Awang John Lee.

Yang Berhormat Awang Idris Talog Davies telah di-anugerahkan gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Kanun Di-Raja dalam satu istiadat yang telah di-adakan pada hari Khamis 22 Januari.

Chiri gelaran di-istiadat tersebut telah di-bachakan oleh Modim Mohammad Yusof bin Abdul Latif.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Kanun Di-Raja Awang Idris Talog Davies telah di-anugerahkan Bintang Kebesaran Negeri Brunei Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Darjah Kedua — D.K. dalam tahun 1968 dan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B. dalam tahun 1965.

Pada hari Isnin, 26 Januari lepas, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja kepada Yang Berhormat Dato Utama Awang John Lee.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja juga telah di-anugerahkan Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Darjah Kedua — D.K. dalam tahun 1968, Darjah Setia Negara Brunei

(Lihat Muka 8)



Gambar kiri atas: Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Kanun Di-Raja Dato Utama Awang Idris Talog Davies sedang berjabat salam dengan D.Y.M.M. sa-telah istiadat mengurniakan gelaran di-langsungkan. Gambar kiri bawah: Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja Dato Utama Awang John Lee dengan di-api oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Kanun Di-Raja Dato Utama Idris Talog Davies (kiri) dan Y.B. Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Awang Haji Ahmad, sedang menjunjung sembah kepada D.Y.M.M. atas pengurniaan gelaran tersebut.

Kejadian kolera dapat di-kawal

BANDAR BRUNEI. — Kejadian penyakit kolera yang di-ishtiharkan di-negeri ini pada 20 Januari lepas telah dapat di-kawal. Dari sejak minggu lepas hanya 21 orang sahaja yang di-shaki mengidap penyakit tersebut dan sekarang mereka di-rawat di-Rumah Sakit Besar Bandar Brunei.

Kebanyakan dari mereka yang di-serang oleh penyakit itu ialah datang-nya dari Kampong Ayer. Lapan dari mereka ada-lah perempuan dan lain-nya ia-lah laki2 termasuk tiga orang kanak2.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. P. I. Franks menyatakan bahawa orang yang mengidap (Lihat Muka 8)



Kontrek pembinaan kilang pembeku gas asli di-berikan kepada Sharikat Jepun/Amerika

BANDAR BRUNEI. — Sebuah sharikat usaha bersama Brunei LNG Berhad telah memilih sa-buah sharikat Jepun yang berkongsi dengan sa-buah sharikat Amerika untuk membina kilang pembeku gas asli-nya di-Brunei.

Satu kenyataan yang di-ke-luarkan oleh sharikat itu pada minggu lalu berkata, pemberian rasmi kontrek itu akan di-lakukan sa-lepas siap-nya per-atoran2 di-buat bagi pembia-

yaan Jepun ka-atas beberapa bahagian projek itu.

Kilang pembeku itu yang letak-nya di-satu tempat di-antara Seria dan Lumut ada-lah yang terbesar sekali di-dunia.

Kilang itu boleh membeku kan kira2 empat juta tan gas asli sa-tahun untuk di-kirim ka-Jepun.

Gas itu akan di-bekalkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei dari telaga2-nya di-laut; dan empat yunit peng-hasilan gas beku, kemudahan2

simpanan dan muatan dan be-naan2 pembantu ada-lah di-kehendaki.

Kenyataan itu berkata, yunit penghasilan pertama di-jadual-kan siap sa-lepas dua tahun.

Peserta2 dalam Brunei LNG Berhad ia-lah kerajaan Brunei, Kumpulan Sharikat Minyak Shell/Belanda Di-Raja dan kumpulan sharikat Mitsubishi dari Jepun.

Harga gas yang akan di-kirimkan ka-Jepun di-anggar-kan \$4.800 juta wang Brunei.

Ketua2 Kampong di-seru mengarahkan anak2 buah mereka bersuntik menchegeh ta'un

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei/Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Rahman bin Pg. Hj. Abd. Rahim telah menyeru semua Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei/Muara supaya melawat ka-rumah2 anak buah mereka dan mengarahkan untuk bersuntik penchegeh kolera kapada mereka yang belum lagi berbuat demikian.

Pegawai Daerah itu berkata, beberapa buah Kampong di-daerah ini telah di-serang oleh penyakit kolera dan Kerajaan telah pun bertindak segera untuk menchegeh penyakit itu daripada meribak ka-tempat2 lain di-negeri ini.

Pegawai Daerah Brunei/Muara ini telah membuat seruan demikian menerusi Penu-long-nya, Awang Yunus bin Haji Hussain dalam satu ma-suarat tergeper Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah ini yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan hari Juma'at lepas.

Beliau berkata orang ramai boleh membantu Kerajaan bagi menchegeh penyakit itu daripada meribak dengan bersuntik di-tempat2 yang di-se-diakan oleh Jabatan Kesihatan dan mereka jangan-lah melawat sanak saudara yang terkena penyakit itu.

Kata-nya, "kuman penyakit dari orang kena penyakit itu akan segera menjangkit kapada orang yang sehat dan dari sana kuman2 itu akan terus menjangkit lagi hingga beberapa banyak menjadi biak".

Pegawai Daerah itu menjelaskan orang ramai juga hendak-lah patoh dengan peratoran2 yang di-keluarkan oleh Jabatan Kesihatan ia-itu dengan menjaga makanan, minuman, kebersihan dan tidak di-benarkan membuat sa-barang perjumpaan atau perkumpulan ramai seperti mengadakan 'TAMU' dan lain2.

Turut memberi ucapan dalam perjumpaan itu ia-lah Pegawai Kesihatan di-Daerah Brunei/Muara Awang Chua Kong Seng.

Beliau berkata Negeri Brunei telah di-istiharkan sa-bagai penyakit kolera sejak 20 Januari dan Jabatan Kesihatan telah menghubungi Jabatan2 Kesihatan di-seluruh dunia mengenai wabak itu yang menyerang negeri ini.

Bantuan2 obat penchegeh penyakit itu segera di-kirim dari negeri2 jiran dan sa-banyak 150 ribu dos lagi dari Australia. Ini boleh menyuntik semua penduduk di-seluruh negeri ini.

Beliau menerangkan bahawa tanda2 penyakit itu yang menyerang sa-saorang ia-lah muntah2 dan berak2. Jika keadaan ini berlaku segera-lah orang itu

di-hantar ka-rumah sakit atau kelinik yang berhampiran.

Kata-nya, penyakit itu boleh menghapuskan nyawa manusia dalam tempoh 24 jam jika keadaan pesakit itu tidak dapat di-kawal.

Jabatan Kesihatan telah memperhebat usaha-nya bagi menghapuskan penyakit yang merbahaya itu dengan segera dari negeri ini.

Pegawai2 penyuntik di-kejarkan ka-kampong2 dan sekolah2 terutama di-kawasan2 yang terlibat dan juga menjalankan kempen chara2 menchegeh kuman penyakit itu daripada merebak.

Awang Chua Kong Seng juga menasihatkan penduduk2 di-Kampong Ayer supaya jangan mandi dan menangkap ikan di-sungai itu.



Lulus B. Sc.

Bahagian Perangkaan

BANDAR BRUNEI.—Awang Omar bin Haji Serudin (gambar atas) telah kembali ka-tanah ayer sa-telah berjaya mendapat ijazah B. Sc.

Awang Omar yang menuntut atas biasiswa Kerajaan telah lulus dalam bahagian perangkaan dari Western Universiti of Australia, Perth.

Beliau telah memasoki Universiti itu dalam tahun 1966.

Awang Omar ia-lah bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei.

Pemasangan talipon bertambah

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Talikom tahun lalu telah memasang 1,033 talipon baru di-negeri ini.

Ketika menyatakan demikian, Pemangku Pengawal Talikom Awang R. J. Bell berkata, 740 buah telah di-pasang di-kawasan Brunei-Muara; 124



Penu-long Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Yunus bin Haji Hussain ketika menyampaikan nasihat Pegawai Daerah mengenai langkah2 menchegeh merebak-nya penyakit kolera dalam satu perjumpaan yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan pada minggu lepas. Di-sebelah kanan ia-lah Pegawai Kesihatan, Awang Chua Kong Seng sementara di-sebelah kiri ia-lah Awang Zainal Abidin, pegawai pentadbir di-Pejabat Daerah.

Penggunaan baja padi kian bertambah

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian akan terus memberikan baja2 perchuma kapada peladang2 di-negeri ini di-bawah ranchangan untuk menambahkan hasil padi di-negeri ini.

Pengarah Pertanian Awang K. G. Malet yang berkata bahawa tender2 untuk membekalkan baja2 itu telah di-pelawa dan ia-nya akan di-tutup pada 31 Januari ini.

Awang Malet berkata, jabatan-nya akan membeli lebih banyak dari musim yang lalu lagi bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah dari kaum peladang.

Jabatan Pertanian telah mengenalkan penggunaan baja dalam musim tanaman tahun 67 dan 68, apabila hanya 313 orang peladang di-daerah Brunei-Muara telah memohon baja tersebut.

Awang Malet berkata, dalam musim menanam padi tahun 69/70 sejumlah 132.92 ton baja telah di-bahagikan2 kapada kaum peladang di-empat buah daerah. Ini di-gunakan

untuk 3,278 ekar ladang padi, ia-itu 1,616 ekar di-Brunei-Muara; 1,438 ekar di-Tutong; 105 ekar di-Temburong dan 119 ekar di-Daerah Belait.

Baja itu telah membuktikan sa-bagai faktor utama untuk menambahkan hasil padi. Ujian yang di-jalankan oleh jabatan pertanian, menunjukkan, bahawa peladang2 yang memohon penggunaan baja telah memperoleh lebih banyak hasil sa-ekar dari mereka yang tidak menggunakan baja.

Larangan membunuh binatang2 hutan

BANDAR BRUNEI. — Pehak-pulis telah mengumumkan bahawa beberapa jenis binatang dan burung2 tidak boleh di-bunuh dalam musim berhenti memburu (close season) dari 1 Februari hingga 31 Mei tahun ini.

Di-sepanjang musim tersebut ada-lah menjadi kesalahan bagi sa - seorang membunuh, mengambil, memusnah atau memileki:-

Rusa, kijang, pelandok, ayam hutan, burung punai, burung peragam, tekukur, punai tanah, itek ayer dan ayam-ayam.

Akan tetapi tuan2 punyai tanah boleh membunuh atau menangkap binatang2 atau burung2 itu jika binatang2 itu di-dapati merusak atau memusnahkan tanam2an mereka.

PERANAN ORANG RAMAI HADAPI ANCHAMAN TA'UN

PADA 20 haribulan Januari 1970 negeri kita Brunei Darus-salam telah di-ishtiharkan sa-bagai kawasan yang di-serang oleh penyakit kolera menurut undang2 antara bangsa

Pada hari itu juga beberapa tempat telah diketahui bahawa penyakit itu sedang menyerang beberapa orang, antara-nya ia-lah Kampong Lambak, batu 6 Jalan Berakas, Kampong Setia, Kampong Saba Tengah, Kampong Pangkalan Batu dan Kampong Siamas.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan menyuruh orang ramai supaya memberikan kerjasama kepada langkah2 yang sedang di-ambil untuk mengawal dan menche-gah dari merebak panyakit kolera itu, di-antara langkah2 yang sedang di-ambil mengawal dan menche-gah dari merebak-nya penyakit kolera yang merbahaya itu ia-lah supaya semua orang di-kehendaki bersuntik dengan ubat untuk melawan penyakit tersebut.

Orang ramai ada-lah di-gesa juga supaya mengamalkan kebersihan dalam serba serbi dan di-gesa supaya mendapatkan suntikan menche-gah penyakit kolera dengan serta merta.

Orang ramai ada-lah di-kehendaki supaya memasak makanan mereka dengan sempurna sa-belum memakan-nya dan ayer hendak-lah di-masak sa-belum di-minum, tangan hendak-lah di-basoh sa-belum makan, pinggan mangkok dan lain2 perkakas hendak-lah "di-ganggang" sa-belum di-gunakan, sampah sarap hendak-lah di-bakar atau sekurang2-nya ditanam kerana penyakit kolera boleh di-bawa oleh lalat yang

membiak pada timbunan sampah sarap dan jika di-dapati lalat terlalu banyak hendak-lah perkara tersebut di-laporkan kepada rumah sakit supaya langkah2 yang segera untuk menghapuskan dapat di-ambil.

Penyakit kolera mempunyai tanda2 yang tertentu, di-antara-nya ia-lah muntah2 dan berak2. Jika di-dapati ada-nya tanda2 itu kapada sa-seorang, maka hendak-lah segera pergi ka-rumah sakit atau kelinik2 yang berhampiran untuk menerima rawatan, kerana jika penyakit kolera tidak di-rawat dengan segera kemungkinan besar kematian boleh berlaku dalam tempoh 24 jam.

Dalam pada itu hendak-lah di-fahamkan bahawasa-nya barang siapa yang telah menerima suntikan kolera pada masa yang lalu, maka suntikan menche-gah kolera hanya berkesan sa-lama enam bulan, oleh itu sesiapa yang telah menerima suntikan lebeh dari tempoh tersebut, maka hendak-lah segera mendapatkan suntikan yang baharu.

Sekarang ini sekatan2 sedang di-jalankan ia-itu orang2 yang tinggal dalam kawasan yang

di-jangkiti penyakit kolera adalah di-minta supaya jangan keluar kampung mereka dan jangan-lah pergi menziarahi kawan2 atau saudara mara di-luar kampung mereka itu, kerana mereka boleh jadi bertanggung-jawab menyebarkan penyakit tersebut dan Jabatan Kesihatan akan menghantar kaki-tangan ka-kampung2.

Dalam menghadapi wabak ta'un yang sedang menyerang negeri kita ini maka kita adalah di-suruh oleh Ugama kita yang suchi untuk berjaga2 dan berwaspada serta berusaha untuk menche-gah-nya kerana menurut maksud sa - buah hadith Rasulullah s.a.w. pernah bersabda bahawasa-nya **tiap2 penyakit itu ada ubat-nya, kechuali mati** dan dalam maksud sabda yang lain Rasulullah pernah menyatakan

bahawa **jika kamu mendengar berlaku-nya penyakit wabak sedang menjangkiti sa-buah negeri, maka kamu jangan-lah masuk ka-negeri itu dan jika kamu sedang berada di-negeri itu, maka kamu jangan-lah keluar melarikan diri daripada nya.**

Oleh yang demikian orang ramai ada-lah di-serukan supaya memberikan kerjasama sapenoh-nya kapada langkah2 yang sedang di-ambil oleh kerajaan untuk mengawal dan menche-gah dari merebak-nya penyakit kolera yang merbahaya itu dan mematohi tunjok ajar serta arahan2 yang dikeluarkan oleh kerajaan mengenai dengan perkara ini. Per-kara itu ada-lah tidak bertentangan dengan Ugama kita yang suchi bahkan Ugama kita menyuruh-nya.



Sejak penyakit kolera di-ishtiharkan di-Daerah Brunei-Muara sekatan jalan raya antara Brunei/Kuala Belait telah di-kenakan untuk memeriksa orang ramai yang pergi ka-Daerah Belait sama ada mereka mempunyai sijil suntikan menche-gah penyakit tersebut supaya penyakit itu tidak merebak ka-Daerah itu. Gambar atas menunjukkan sa-orang anggota polis kelihatan sedang memeriksa sijil suntikan di-Sengkuring.

Lebeh 250 orang memohon untuk menjadi guru pelateh

BANDAR BRUNEI. — Permohonan2 untuk menjadi guru2 pelateh telah di-tutup pada 26 Januari lepas.

Sa-orang juruchakap bagi jabatan pelajaran berkata, permohonan2 dari Daerah Brunei Muara dan Temburong akan di-temu duga di-Maktab Perguruan Brunei di-Berakas pada 9 Februari mulai pukul 9.00 pagi.

Satu lagi temu duga akan diadakan di-Maktab Anthony Abell di-Seria pada 11 Februari bagi pemohon2 dari daerah2 Tutong dan Belait.

Sa-takat ini jabatan pelajaran telah menerima lebeh dari 250 permohonan.

Juruchakap itu berkata, hannya 40 orang pemohon akan di-pilih bagi kursus selama tiga tahun itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 28 Jan. 1970 hingga ka hari Selasa 3 Feb. 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
28 Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-11	6-36
29 Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-11	6-36
30 Jan.		12-39	3-09	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
31 Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
1 Feb.		12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
2 Feb.		12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
3 Feb.		12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



28hb. Januari, 1970

PENGASINGAN

JEMAAH2

HAJI

JEMAAH2 haji yang terpilih untuk menunaikan haji tahun ini sa-telah di-jalankan pengkajian2 yang teliti atas kesihatan mereka telah di-hantar ka-Kuala Belait dan di-tempatkan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin bagi tujuan2 pengasingan mereka sa-lama lima hari sa-belum berlepas meninggalkan tanah ayer.

Langkah pengasingan ini di-jalankan ada-lah menurut kehendak2 Undang2 Antara Bangsa yang memestikan tiap2 orang yang hendak meninggalkan negeri yang di-serang oleh penyakit2 yang berjangkit itu di-asingkan sa-lama lima hari di-satu kawasan atau tempat yang bebas dari penyakit tersebut.

Ada-lah satu tindakan yang sa-memang-nya perlu di-laksanakannya menurut peraturan2 itu apa lagi telah di-ishtiharkan Undang2 Karantina dan Pencegahan Penyakit berikutan dengan berlaku-nya serangan wabak kolera pada 20 Januari lepas.

Memang lazim-nya, bahkan di-mana2 negeri pun dalam dunia ini akan melaksanakan peraturan2 itu demi untuk membatasi serangan2 penyakit yang merbahaya sa-umpama itu supaya dapat di-kawal dari merebak ka-tempat2 yang lain, apa lagi ka-negeri2 lain.

Perkara sa-umpama ini tidak-lah sifat-nya terbatas kepada negeri kita sahaja, tetapi bersangkutan dengan negeri2 yang akan di-lalui oleh jemaah2 haji itu dalam pelayaran mereka menuju Mekah. Oleh yang demikian, untuk mengusahakan-nya supaya negeri kita tidak di-babit sa-bagai punca meribakkan penyakit itu, maka findakan2 yang tegas atas nasihat2 dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang mengambil peranan utama dalam hal ini terpaksa di-laksanakan.

Bukan-lah arti-nya bahawa tindakan2 yang di-lakukan sekarang ini sa-umpama pengasingan jemaah2 haji itu merupakan tindakan sa-wenang2 sahaja atau menurut sa-kehendak hati pegawai2 Jabatan Agama dengan tidak menurut pengkajian2 yang di-jalankan terdahulu dari itu.

Hampir sa-tiap orang tahu bahawa perkara yang utama sekali di-teliti dengan sebaik2-nya bagi membolehkan sa-saorang itu menunaikan fardhu haji ialah soal kesihatan mereka. Jika sa-saorang itu sentiasa dalam keadaan kurang sihat, maka permuhoanan-nya untuk menunaikan fardhu haji itu tidak akan di-layan walaupun dengan wang mereka sendiri. Apa lagi dalam keadaan kita sekarang ini, maka langkah2 kasihatan ada-lah perlu di-laksanakannya. Hakikat ini hendak-nya dapat di-sedari dengan sebaik2-nya.

BRUNEI dewasa ini dalam peralihan ekonomi. Dari apa yang dulu-nya di-anggap sa-bagai perkembangan ekonomi yang lambat berdasarkan kepada pertanian dan sa-bahagian besar-nya bergantung kepada satu perusahaan tunggal — pengorekan minyak — sekarang ini ekonomi Brunei mulai berkembang dengan pembangunan yang chemerlang di-bidang usaha menganekachorakkan ekonomi. Harapan2 kelihatan untuk mendirikan perusahaan untuk mengolah sumbar alam seperti minyak tanah dan gas, pasir puteh yang tinggi mutu-nya yang di-dapati dengan banyak-nya, bidang pertanian, perikanan, kemungkinan bidang pelanchongan dari kedudukan alam yang baik di-tengah Tenggara Asia.

Kerajaan Brunei telah lama menyedari tentang betapa terbatas dan bahaya-nya untuk bergantung sa-penoh-nya ka-tas satu perusahaan seperti minyak yang lambat laun akan habis. Dengan alasan ini, Kerajaan telah menumpukan usaha dan kewangan menerusi Rancangan Pembangunan Negara dengan menganekachorakkan ekonomi agar tidak bergantung sa-penoh-nya kepada minyak. Menyedari hakikat ini sa-bagai landasan untuk perkembangan ekonomi ada-lah mustahak untuk mengadakan alat2 kemudahan penting berbentuk infra-struktur supaya dapat menggalakkan penanaman modal dalam penubohan perusahaan yang mendatangkan hasil. Kerajaan telah mempelopori dalam melaksanakan rancangan infra-struktur yang dikehendaki itu dengan menan modal di-bidang pelajaran, kesihatan, kebersehan awam, saloran najis dan perbekalan ayer, perbekalan letrik, pengangkutan, pembenaan jalan raya, lapangan terbang, pelabuhan ayer dalam dan lain2 keperluan penting yang bersangkutan. Dalam jangka masa antara tahun 1962 — 1967 Kerajaan telah membelanjakan sa-jumlah kira2 \$156 juta untuk rancangan perkembangan infra-struktur itu. Malah dalam tahun 1968 perbelanjaan itu telah di-tambah sa-banyak \$86.4 juta.

Antara rancangan2 infra-struktur yang menelan berjuta2 ringgit itu yang sekarang dalam perkembangan ia-lah:

PERTAMA: Pembenaan lapangan kapalterbang antarabangsa yang baru dengan ukurannya 12,000 kaki panjang yang boleh menampung jet yang terbesar sekali. Ia juga akan mempunyai sa-buah bangunan yang boleh menampung sa-ramai 1,200 orang. Bangunan ini akan mempunyai sa-buah restoran lengkap dengan hawa dingin yang boleh

PERKEMBANGAN EKONOMI BRUNEI

Oleh: P. S. N. YUSOF

menampung 150 orang. Kontrek pembenaan lapangan terbang ini telah di-berikan kepada sa-buah firma pembenaan yang terkenal. Lapangan kapal terbang ini di-jangka siap menjelang tahun 1971 hadapan.

KEDUA: Rancangan pembenaan jalan raya di-seluruh negeri sapanjang 140 batu untuk menghubungkan bandar2 dan kampong2 yang ada dan untuk membuka kawasan baru untuk perkembangan.

KETIGA: Rancangan saloran najis yang moden untuk tiga bandar besar di-negeri ini dan rancangan perbekalan ayer untuk membekalkan ayer yang chukop untuk kawasan yang banyak di-diami sekitar daerah Brunei Muara dan Daerah Tutong.

KE - EMPAT. Pembenaan sekolah rendah dan menengah tambahan di-beberapa bahagian negeri dan sa-buah sekolah pertanian dan kolej teknikal dan perdagangan untuk memberikan latihan kepada belia2 Brunei bagi melayakkan mereka untuk memperolehi kebolehan yang di-kehendaki yang boleh menolong mereka mengambil bahagian dan memberikan sumbangan terhadap perkembangan ekonomi.

Sa-bagai tambahan kepada pembenaan lapangan terbang antara-bangsa yang baru dan pelabuhan ayer dalam sa-bagai usaha pengluasan perkembangan perusahaan, perdagangan dan pelanchongan kerajaan juga telah melancharkan satu rancangan lima tahun untuk memperbesarkan dan memodenkan perhubungan talikom untuk kegunaan luar dan dalam negeri. Rancangan perhubungan talikom ini termasuk-lah meluaskan penggunaan teleprinting dan menggunakan penggunaan perhubungan yang menggunakan "Telex."

Perkembangan yang dapat di-lihat dalam perkembangan sektor persendirian, sa-bahagian besar-nya kerana dua faktor yang berikut:

Faktor pertama kerana pengluasan penyediaan dan perkembangan rancangan yang di-lakukan oleh Sharikat Minyak Shell Berhad di-laut yang menambahkan lagi perghasilan minyak dan gas. Di-sebalek usaha2 yang di-laksanakan

oleh pehak Sharikat Minyak Shell, pehak Sunray DX, Superior Oil Company dan Clark Oil Refining Company telah di-perkenankan untuk menjalankan penyediaan dan kerja2 pengkajian tanah di-daerah Tutong.

Faktor lain yang menyebabkan perkembangan ini ia-lah dengan bertambah-nya perlaksanaan rancangan besar di-bidang kerja2 dalam rancangan infra-struktur Kerajaan. Kedua faktor yang di-sebutkan tadi akan membekalkan dan akan terus membekalkan kemungkinan luas terhadap perkembangan ekonomi pada keseluruhan-nya. Kegiatan berjalan lancar di-bidang pembenaan, pengangkutan, perdagangan dan kewangan, serta dalam bidang perusahaan rangan.

Bagaimana masa depan Brunei?

Dalam merancang untuk masa depan Brunei menyedari betapa perlu-nya untuk meneruskan usaha-nya dalam rancangan untuk menganekachorakkan ekonomi. Dari itu kita terus berusaha ka-arrah perkembangan lapangan pertanian, perikanan dan kehutanan dan penubohan perusahaan untuk mengolah bahan2 mentah yang di-dapati dari sumber pertanian, perikanan dan kehutanan, juga pasir puteh yang tinggi mutu-nya itu serta dalam pembekalan gas.

Kerana pasaran dalam negeri dari bahan2 yang di-usahakan dan di-keluarkan itu nanti terbatas dan tenaga buroh kita terbatas, kita menyedari bahawa perusahaan2 yang di-kendalikan di-Brunei harus di-impor keluar negeri. Dari itu kita sentiasa bersedia untuk memberi galakan dan dorongan kepada modal2 yang akan mendirikan firma dan perusahaan di-Brunei untuk menggunakan sumber alam yang ada. Galakan dan dorongan di-sertai dengan kedudukan Kerajaan yang saimbang dengan mata wang yang kukuh, anggaran perbelanjaan yang berlembaban tanpa chukai pendapatan perseorangan, chukai kompeni yang agak rendah dan kedudukan ilmu alam yang baik adalah menguntungkan kepada pasaran2 Tenggara Asia dan negara2 Timor Jauh di-tambah lagi dengan pelabuhan moden, lapangan terbang dan perlengkapan perhubungan talikom, menjadikan faktor2 yang mantap menarik penanaman modal di-Brunei.

(Rencana ini di-tulis oleh P. S. N. Yusuf, Menteri Besar Brunei dan telah di-siarkan dalam majalah New Commonwealth keluaran bulan Mach 1969).

Jemaah haji berkumpul di-Belait — gunakan masa bertukar2 fikiran untuk tambah ilmu

RAMAI 105 orang jemaah2 haji yang di-kenakan asing di-Kuala Belait bawah Undang2 Karantina Pencegahan Penyakit ber-tan dengan berlaku-nya wa- kolera di-negeri ini telah prima layanan yang chu- di-samping kemudahan2 perlu.

perti yang di-sangka ba- jemaah2 haji itu tidak mengelakkan diri dari ashgolan kerana sa-belum inggalkan tanah ayer me- terpaksa menghadapi asingan sa-lama lima hari, an hanya terasing dari keluarga mereka, tetapi jahu meninggalkan kam- halaman, walaupun ma- sa-tanah.

ngkaan kebanyakan orang rupa2-nya tidak merupa- satu kenyataan yang sa- ar-nya.

ampir keseluruhan jemaah2 itu yang di-tempatkan di- gunan Sekolah Melayu ad Tajuddin sejak Isnin, 26 Januari lepas kumpul dalam keadaan gembira baik dalam ma- berehat, masa makan dan minum. Suasana itu se- cin gembira lagi nampak- apabila tumpok2 kumpul- di-sulami dengan perlan- lan2 yang menggelikan. a yang menimbulkan cheri- lucu yang di-padankan i pengalaman masing2 di- sa silam dan tidak kurang a yang menceritakan ke- 2 penuntutan ilmu dan ber- ai2 lagi.

tetapi yang paling menarek awa jemaah2 haji itu telah a menggunakan peluang2 kumpul yang ke-emasan dengan bertukar2 fikiran tang pertumpuan hidup sabenar-nya sa-bagai

Umat Islam. Dalam hal in, orang2 yang di-fikirkan ber- pengetahuan akan menjadi tumpuan orang2 yang ingin menambahkan ilmu masing2 terutama-nya dalam kerja2 menunaikan ibadah haji di- Mekah nanti.

Salah sa-orang dari jemaah itu mensifatkan keadaan per- kumpulan di-bangunan Se- lah Melayu Ahmad Tajuddin itu sa-olah2 sudah berada di- luar tanah ayer dan yang sa- orang lagi merasakan sa-ola2 "macham di-Makah sudah ra- sa-nya". Malah ada di-antara mereka sa-kejap2 terlupa akan wabak penyakit kolera yang menyebabkan mereka di- asingkan ka-Kuala Belait.



Awang Mohd. Noor Aston, salah sa-orang pegawai kerajaan yang telah bersara yang menunaikan fardhu haji tahun ini. Sa-bahagian dari jemaah2 haji yang di-tempatkan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait untuk di-asingkan selama lima hari sedang menikmati minuman sa-tiba mereka dari Bandar Brunei.



B. Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. (di-tengah2) salah sa-orang jemaah haji yang di-asingkan itu sedang berbual2 dengan Awang Besar bin Sagap (no 2 dari kiri) dan Awang Abdul Aziz (kanan sekali) sambil menikmati minuman yang di-sediakan. Di- kiri sekali ia-lah Pg. Abu Bakar, ayah kepada Y.B. Pg. Md. Yusof ahli Majlis Mashuarat Negeri bagi kawasan Seria.

Di-antara jemaah haji yang di-asing dan di-tempatkan di- bangunan itu termasuk-lah empat orang Pegawai2 Kerajaan yang telah bersara.

Mereka ia-lah Awang Besar bin Awang Sagap dari Jabatan Kerja Raya bahagian Pelan, Awang Abdul Aziz bin Abdul- lah dari Pejabat Pertanian, Awang Md. Noor Aston dari Bandaran dan Pengiran Ah- mad bin Pengiran Ratu, Pen- nyelia Kastam.

Awang Besar terkenal juga sa-bagai penchipta Lagu Ke- bangsaan Brunei di-samping sa-bagai pelopor perkembang- an musik di-negeri ini. Beliau juga tidak asing dalam kegi- atan memperkembangkan keseni- an dan kebudayaan asli bukan hanya di-bidang nyanyian2, te- tapi juga dalam pengubahan tari2an. Beliau banyak mem- berikan nasihat kepada rom- bongan2 kebudayaan Brunei yang hadir dalam pesta2 ke- budayaan di-Singapura dan



Persekutuan Tanah Melayu (sa-belum Malaysia).

Di-tinjau pandangan - nya mengenai dengan perjalan me- naiki bas dari Bandar Brunei ka-Kuala Belait, dengan ber- lucu beliau berkata:

"Saya merasakan saperti me- naiki bas dalam perjalanan ka- Mekah terutama apabila kami melintasi Pasir Puteh. Chuma perasaan saya itu terganggu oleh pokok2 kayu dan ketiada- an unta", beliau terus ketawa mengingati peristiwa lucu itu.

Dalam masa menjalani chu- ti bersara, beliau telah meng- adakan lawatan ka-United Kingdom dan ka-beberapa buah negara2 Eropah dengan tambang perchuma dari Kera- jaan.

Awang Besar berumur 56 tahun dan berkhidmat dengan Kerajaan sa-lama 33 tahun. Be- liau mula berkhidmat di-Jaba- tan Kastam dan dalam masa pentadbiran Tentera British

beliau berkhidmat dengan Ja- batan Pertanian. Sa-lepas itu sejak 1947 hingga bersara ber- khidmat di-Jabatan Kerja Raya sa-bagai pembuat pelan hingga meningkat sa-bagai pegawai kanan di-bahagian itu. Beliau di-anugerahkan S. M. B. dan Pingat Kerja Lama. Beliau menunaikan fardhu haji ber- sama isteri-nya.

Awang Abdul Aziz bin Abdullah berumur 55 tahun ber- khidmat dengan Kerajaan selama 30 tahun. Mula berkhidmat sa- bagai Wireless Operator dan kem-udian berpindah ka-Pejabat Pos; Perubatan; Kastam Diraja dan Ja- batan Pertanian hingga bersara. Be- liau menunaikan fardhu haji ber- sama2 dengan isteri dan sa-orang anak perempuan-nya.

Awang Abdul Aziz telah juga di-anugerahkan S. M. B. dan Pin- gat Kerja Lama. Waktu chuti ber- sara beliau juga melawat ka-United Kingdom dan negara2 Eropah yang lain.

Awang Md. Noor Aston me- nunaikan fardhu haji bersama2 dengan isteri beliau. Beliau berkhid- mat dengan Kerajaan sa-lama 34 tahun sejak 1932 hingga bersara pada tahun 1966. Beliau mula ber- khidmat sa-bagai pembantu rumah sakit, kemudian berpindah ka- Jabatan Kesihatan sa-bagai pega- wai pencegah Malaria hingga ha- bis pendudukan Jepun. Sa-lepas itu beliau berkhidmat sa-bagai Meri-

nyu Bandaran dan kemudian-nya memegang jawatan sa-bagai Setia Usaha Bandaran hingga bersara.

Beliau juga menunaikan fardhu haji dengan tambang perchuma da- ri Kerajaan. Beliau juga menerima tambang perchuma dalam masa chuti bersara untuk melawat ka- United Kingdom dan negara2 Eropah.

Sa-lepas bersara dalam tahun 1966, beliau menumpukan perha- tian ka-lapangan perniagaan dan membena sa-buah kedai runcit di- hadapan rumah-nya di-Batu 54 Jal- lan Tutong. Kedai itu di-berinama "Donna Bersaudara", Awang Md. Noor juga di-anugerahkan S.M.B. dan Pingat Kerja Lama.

Pengiran Ahmad bin Pengiran Ratu berumur 58 tahun menunai- kan fardhu haji bersama2 dengan isteri dan 2 orang anak beliau. Be- liau berkhidmat di-Jabatan Kastam Diraja sejak tahun 1934 hingga 1968. Mula2 beliau bekerja sa- bagai pegawai kastam, kemudian telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penyelia Kastam hingga bersara. Dalam masa perkhidmatan itu be- liau pernah di-tempatkan di-keem- pat2 daerah dalam negeri ini ia- itu di-Belait, Tutong, Temburong dan Brunei/Muara. Pengiran Ah- mad di-anugerah kan Pingat Per- juangan dan Pingat Kerja Lama.

MEMANG umum-nya mengakui, sa-suatu perjuangan yang di-tuju bagi membela hak dan kebenaran, kemuliaan, keagungan serta mengejar chita2 sangat-lah banyak halangan dan rintangan, kesusahan, kepayahan, penyejok kemahuan dan penumpul semangat. Apa lagi kalau perjuangan itu berhadapan dengan kesulitan yang tidak dapat di-elakan lagi, maka terpaksa-lah kita menjalankan apa saja usaha daya bagi memperkuat semangat dan chita2 serta tabah bagi mematahkan segala rintangan yang menghalang.

Kadang-kala mata menjadi gelap dari chahaya kebenaran, kerana kekuatan lawan menjalarkan jarum-nya demi untuk mempertahankan kedudukan-nya dan mematahkan perjuangan kita itu. Lawan itu mungkin akan menggunakan segala pengaruh-nya, deringan wang ringgit-nya, kesenangan dan kemewahan-nya. Ada masanya pula mendapatkan sokongan dari pehak yang tertentu di-samping menggula2kan pujok dan tawaran2 yang melilehkan ayer lior sa-hingga segala anasir penentang itu berpecah belah, berlawan sesama sendiri.

Untuk menghadapi perjuangan membela hak dan mengejar chita2 hidup yang pasti hebat dan ngeri itu dan juga untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, perlu-lah kepada kekuatan iman. Kerana kekuatan iman itu-lah yang diharapkan menjadi chahaya menerangi hati pejuang yang kusut dan sempit.

Perchaya-lah dengan adanya kekuatan iman itu-lah yang memberikan kekuatan kepada tenaga pejuang yang di-lumpuhkan oleh perjuangan dan yang memenangkan rasa kecekalan dan keyakinan kepada hati-nya. Walau bagaimanapun kita pun untuk menghadapi perjuangan2 di-medan pelajaran itu kita pasti dan terpaksa membeli kesusahan dengan harga yang mahal dan menjual kesenangan dengan harga yang murah.

Kita hidup ada-lah untuk memenuhi kewajiban, kerana kewajiban-lah kita di-hidupkan. Untuk memenuhi arti kewajiban di-dalam hidup itu kita sentiasa menghadapi perjuangan. Ketahuilah, perjuangan tidak akan berkesudahan selagi darah mengalir di-badan. Tiap2 perjuangan berkehendakan pengurbanan. Tiap2 pengurbanan berkehendakan lantasi perjuangan di-medan pelajaran.

Untuk menunaikan tugas dan memenuhi kewajiban perjuangan hidup sa-bagai sa-orang anggota masyarakat dan sa-bagai sa-orang pelajar, berkehendakan juga jiwa yang dinamis. Dinamis yang menarik segala kemampuan dan kesanggupan yang ada demi untuk memenangkan faham, iman dan keyakinan.

Ajaran iman dan keyakinan Agama mengajarkan kepada kita bahawa: "Tiada keme-

nangan dengan tidak ada pengurbanan."

Ingat-lah wahai para pelajar — zaman sekarang ada-lah zaman perlumbaan. Sa-hari demi sa-hari bangsa manusia berkembang biak, pengetahuan-nya beraneka warna dalam berbagai lapangan, berchakap dalam pasparagam bahasa, dengan adat istiadat yang berlainan serta berlumba di-antara satu sama lain dalam segi perjuangan hidup. Perkembangan masyarakat - nya bertambah nyata dari sa-hari ka-sahari, yang berasal masyarakat rumah tangga dan keluarga, masyarakat kaum dan desa, masyarakat daerah dan kota, masyarakat nasional dan internasional.

Tiap2 perjalanan masyarakat ini memakan tempoh yang panjang, memkehendaki tabah dan sabar, memerlukan pengurbanan jiwa dan harta benda yang tidak ternilai. Sa-bagai akibat-nya ada bangsa yang timbul, ada pula yang hilang, ada bangsa yang maju kemuka dan ada pula yang mundur terator ka-belakang. Pendek-nya hujan dan panas, sakit dan senang, kuat dan lemah, malam dan siang ada-lah sentiasa silih berganti merupakan suasana dan peristiwa kesusilaan masyarakat umat manusia di-dunia ini.

Oleh kerana besar-nya arus dan gelombang turun naik bahtera masyarakat dan tingkatan serta darjat kedudukan manusia, maka sa-saorang anggota masyarakat harus hati2 mengembara dunia penggalaman, mengharungi samudra ilmu pengetahuan serta kebijaksanaan melanchong daratan dalam medan perlumbaan. Ia mesti waspada, awas dan hemat chermat dalam segala tindakan-nya. Ia mesti bersifat jujur, ta'at setia dan tanggung jawab kepada masyarakat. Mesti-lah suka berkorban dengan fikiran dan tenaga. Sa-terus-nya mereka mesti sentiasa menjauhi sifat sombong, takbur, tinggi hati, jahil murakab, suka shor, hasat, rendah chita2 dan hemat, serta lain2 sifat yang tidak di-ingini oleh masyarakat dan tidak memberi guna kepada tanah ayer.

Pendek kata, jangan-lah kita memilih hidup sa-bagai nyanyian ombak yang hanya berbunyi ketika terhempas kapantai, tetapi hendak-lah kita berusaha memilih hidup sa-

HARAPAN KAPADA PELAJAR2

Oleh:

Idris Ab. Ghani, B.A. Dan Diploma Pendidikan (SMMP Pusat).

bagai ayer bah, mengubah dunia dengan ilmu dan amal kita.

Dan untuk memenuhi chita2 ini, hendak-lah kita menyedari; bahawa zaman itu tidak sentiasa tertawa dengan kita, malahan zaman itu akan kerap pula dia menangis. Oleh yang demikian, apabila kita bertemu dengan suatu jalan buntu, tertumbok langkah hingga itu, kita tidak boleh berputus asa, tidak boleh menyingkir diri dari penghidupan, apa lagi sa-bagai pelajar, melainkan tempoh-lah, berjuang-lah dan tegak-lah menchari jalan atau ikhtiar bagaimana kesukaran itu dapat di-tempoh dan dapat terlepas. Kerana kita ada akal di-berikan Tuhan untuk menjadi penuntut dalam menghadapi kesukaran itu.

Perchaya-lah, kita hidup bukan untuk senang, tetapi kita di-hidupkan ada-lah untuk melakukan kewajiban. Kewajiban yang di-titahkan oleh perasaan sendiri — perangai utama ada-lah tuntunan orang untuk menempoh bahagia dan sengsara.

Di-harapkan kepada pelajar sekalian — Pandang-lah jalan luas di-hadapan, mulai-lah ator langkah perjuangan di-medan pelajaran dengan tenang menuju chita2. Selangkah demi selangkah perjalanan kita, detik demi detik perjalanan jam itu, mahu-nya kita selalu bersejolut dengan bakti. Bakti untuk bangsa dan negara, bakti kerana Agama dan Ilahi agar kejayaan kita bukan di-dunia pana semata2, malahan di-akhirat juga. Bakti yang di-pandu oleh pengetahuan tinggi.

Dengan tidak berkeputusan di-harapkan kepada tiap2 jiwa pelajar sa-umum-nya supaya hidup selalu berbakti. Sebab pelajar2 di-hari ini ada-lah bayangan masyarakat di-masa akan datang. Maju mundurnya bangsa dan negara di-masa akan datang ada-lah terletak-nya kepada pelajar2 di-hari ini. Sebab itu pelajar2 sangat2-lah perlu bersungguh di-dalam pelajaran jika benar2 ingin untuk berbakti.

Sa-tiap pelajar di-harapkan, mahu-nya menanamkan izam ini. Izam yang mengartikan bahawa tidak akan terchapai ke-

majuan dan ketinggian bangsa kalau di-sana kekurangan orang yang terpelajar untuk berjasa dan berbakti. Jasa dan bakti yang di-pandu oleh pengetahuan2 tinggi. Dan kita mesti menanti serta bertangguh untuk mendapatkan pelajaran bagi membuat bakti, dan kalau ada saki baki-nya di-dada tiap2 jiwa bangsa dan pelajar kita perasaan tidak apalah, biar-lah, chukup-lah dan jadilah, di-harap kikis-lah dan hapuskan-lah dari jiwa kita itu. Sebab sekarang telah tiba masanya saat kita berjudi usaha dan tenaga. Saat ini, sangat2 perlu usaha dari kita, dari kawan2 kita, dari guru dari ayah dan dari saganap lapisan masyarakat bangsa. Semua-nya pasti, pasti sadar dan bergerak terus.

Para pelajar sekalian — Padatkan semangat pengurbanan dan pengetahuan2 tinggi di-tiap2 jiwa kita. Kerana semangat dan pengetahuan itu boleh-lah di-umpamakan sebagai lampu bagi kita untuk berjalan di-malam yang gelap pekat misal-nya. Sudah tentu kita tidak akan terselamat kalau berjalan tidak dengan penyaloh, kita akan terpijak duri, kita akan digigit lipan, mungkin juga kita akan digigit kala atau di-pagut ular. Boleh jadi juga kita akan tersungkor ka-bumi, kira-nya kita berjalan dengan membabi buta, dengan tidak memakai penyaloh. Penyaloh ada-lah perlu dan pasti. Dan penyaloh yang di-maksudkan itu ia-lah ilmu pengetahuan.

Oleh sebab itu pelajar2 mesti-lah mendapatkan ilmu pengetahuan sabera boleh-nya untuk memikul tanggung jawab negara dan bangsa di-masa akan datang. Untuk mendapatkan ilmu pengetahuan itu, bukan-lah dengan angan2, tidak mahu berusaha dan bergiat, malah mesti-lah pandai menggunakan waktu dan tenaga fikiran-nya yang hening jerneh demi untuk keutuhan bangsa dan negara masa akan datang.

Pendek kata, sabagai manusia yang terpelajar sudah pasti ingin memilih hidup bahagia. Untuk memilih hidup bahagia itu, hendak-lah kita membena peribadi kita sahebat2-nya sahingga sabelum Tuhan menentukan takdir kita dengan harapan semoga peribadi kita itu akan mengarahkan tanya kepada kita ia-itu; "Apa-lah yang kita kahendaki yang sabenar2-nya di-dalam hidup?" Di-samping itu hendak-lah juga kita ingat bahawa; "Manusia hidup hanya untuk beberapa tahun saja bagi menchari bahagia atau chelaka, chuma terpih-leh-kapada kita berusaha dan menchari mana satu yang di-kenang dengan sarihu penghargaan mengikut pertimbangan dan kebijaksanaan sendiri."

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bahagian Ekonomi

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalu2n2 perem-puan yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 ko-song yang berikut di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bahagi-an Ekonomi, Brunei.

a) PENYAMBUK/JURU TAIP/KERANI

Kelayakan2:

Chalun2 mesti - lah lulus Form II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya; boleh menulis dan bertutor dalam Bahasa Melayu dan mempun-yai sekurang2-nya satu tahun pengalaman sa-bagai Kerani-/Taip.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

b) KERANI/JURU PENJALAN MESEN

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti - lah lulus Peperiksaan Sijil R e n d a h Pelajaran (L.C.E.) atau yang se-banding dengan-nya.
- Chalun2 ada-lah di-ke-hendaki lulus dalam satu Ujian Kechendorong-an (Aptitude Test) yang akan di-anjorkan oleh Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Jabatan

Setia Usaha Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — 210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

c) JURU MESEN KANAN

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti - lah mempunyai kelulusan Inggeris dan Melayu yang baik.
- Chalun2 mesti-lah mem-punyai pengalaman se-lama sekurang2-nya 5 tahun sa-bagai Punch/verifier operator serta tahu mengunakan sor-ter machine. Mereka hendak-lah mengetahui sa-chara 'am lain2 me-sen punchcard (saperti tabulator collator).
- Chalun2 hendak-lah juga

boleh mengawas dan memeriksa kerja2 yang di-lakukan oleh punch/verifier operator dan ji-ka di-kehendaki, untuk melateh sa-saorang un-tok menggunakan punch atau verifier machine. Keutamaan akan di-beri kapada Pegawai2 Kera-jaan yang sedang ber-khidmat.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3-4 EB5 — \$380 x 20 — 620/EB/640 x 20 — 700.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pega-wai Perjawatan, Brunei, hen-dak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Februa-ri, 1970.

Sa-bagai Pegawai Imigresen

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Pegawai Imigresen di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsa'an, Bru-nei. (6 jawatan kosong).

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Mereka yang hanya lulus Tingkatan II Inggeris dan Darjah IV Melayu tetapi telah berkhid-mat di-Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsa'an akan juga di-pertimbang-kan.
- Chalun2 mesti-lah berumur antara 17 dan 25 tahun. Pemohon2 yang berjaya mesti-lah bersedia menjalankan

tugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kapada ke-layakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ke-tua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit men-genai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang bo-leh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 18hb. Februari, 1970.

Sa-bagai Pelateh Teknik di-Jabatan Talikom

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Pelateh Teknik di-Jabatan Talikom, Brunei. (12 jawatan kosong).

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah ber-umur antara 16 dan 19 tahun.
- Mesti-lah lulus peperek-saan Cambridge School Certificate dengan men-dapat kepujian dalam Ilmu Hisab, Fisik dan Bahasa Inggeris atau pun lulus peperiksaan G.C.E. Perengkat biasa dalam Ilmu Hisab, Fisik dan Bahasa Inggeris.

Gaji:

Gaji permulaan sa-banyak \$260.00 sa-bulan dalam suka-tan gaji \$240 x 10 — 270 dengan satu kenaikan gaji sa-banyak \$10.00.

Chalun2 yang berjaya akan di-beri lataan selama dua ta-hun dalam kejuruteraan tali-kom di-Brunei dan seberang laut. Sesudah berjaya mena-matkan lataan ini chalun2 akan di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik de-ngan gaji permulaan sa-banyak \$460 sa-bulan dalam sukatan gaji \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Chalun2 yang tidak berjaya menamatkan lataan dua tahun ini akan di-benar-kan terus berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai Pembantu Teknik dengan gaji sebanyak \$270.00 sa-bulan dalam suka-tan gaji \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan ka-pada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Februari, 1970.

Sa-bagai Kerani Tingkatan 'A' Lantekan Khas

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada pegawai2 yang di-dalam Perkhidmatan Tetap dan yang te-lah menamatkan perkhidmatan-nya sa-bagai Kerani Tingkatan 'A' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kera-jaan selama sekurang2-nya lima tahun untok di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Tingkatan 'A' Lantekan Khas.

2. Chalun2 yang hendak memo-hon jawatan ini mesti-lah men-gantarkan permohonan2 mereka kapada Setia Usaha Kerajaan me-

lalui Ketua2 Jabatan mereka serta mesti-lah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari-pada 8hb. Februari, 1970. Ketua2 Jabatan, semasa menghadapkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) mesti-lah me-nyertakan laporan2 sulit berthabit dengan pegawai2 ini serta dengan menyatakan tugas2-nya sekarang serta kebolehan2 mereka untok di-naikkan pangkat. Chatetan Per-khidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



Pengasingan jemaah2 haji

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 105 jemaah haji termasuk 45 orang perempuan telah di-hantar ka-Kuala Belait pada hari Isnin lepas untuk di-asingkan sa-lama lima hari sa-belum berangkat meninggalkan tanah ayer bagi menunaikan fardhu haji ka-Mekah.

Pengasingan ini di-lakukan di-bawah kuat-kuasa Undang2 Karantina dan Pencegahan Penyakit yang telah di-kuatkuasakan berikutan dengan berlaku-nya wabak kolera baru2 ini.

Di-Kuala Belait, mereka telah di-tempatkan di-bangunan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dengan pengawasan rapi dan sanak-saudara serta sahabat handai mereka telah di-tegah untuk mengadakan lawatan.

Mereka hanya di-benarkan membawa beg2 pakaian dan sekali2 di-tegah membawa barang2 makanan bagi kepentingan kesihatan mereka dan pencegahan penyakit kolera dari merebak.

Di-bangunan perkumpulan mereka itu telah di-sediakan dengan alat2 yang perlu untuk sa-lama mereka tinggal disana, termasuk makan dan minum.

Perbelanjaan2 untuk makan dan minum sa-lama mereka dalam pengasingan itu ada-lah di-biaya2 oleh Jabatan Kebajikan Masharakat.

Mereka di-jadualkan berangkat dalam empat penerbangan ka-Labuan untuk menaiki kapal terbang Penerbangan Antara Bangsa LLOYD yang akan membawa ka-Jeddah pada 31 Januari ini.

Tetapi, menurut sa-orang juruchakap Jabatan Hal-Ehwal Ugama, jika di-dapati berlaku wabak kolera di-daerah pengasingan itu, maka pembatalan keberangkatan mereka terpaksa di-lakukan.

Berikutan dengan berlaku-nya wabak kolera di-Daerah Brunei dan Muara, jemaah2 haji yang di-jadualkan berangkat pada tarikh2 yang di-tentukan telah di-batalkan dan beberapa perubahan terpaksa di-laksanakan menurut undang2 antara bangsa.

Jabatan Hal-Ehwal Ugama dengan nasihat Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah melakukan pengkajian sa-mula dengan teliti ka-atas bakal2 haji itu terutama dari kampung yang terlibat dengan wabak kolera itu.

Hasil dari usaha itu hanya sa-ramai 105 orang di-pilih

untuk menunaikan fardhu haji tahun ini.

Jemaah2 haji yang di-batalkan penerbangan mereka tahun ini ia-lah sa-ramai 41 orang.

Sa-ramai 39 orang lagi sedang di-ikhtiarikan untuk penerbangan mereka dan jika ikhtiar itu berjaya, maka tarikh pengasingan mereka akan di-umumkan nanti.

Waktu2 keberangkatan mereka pada 31 Januari itu ia-lah penerbangan pertama sa-ramai 27 orang akan berlepas pada pukul 11.25 pagi; penerbangan kedua sa-ramai 27 orang juga pada pukul 12.35; penerbangan yang ketiga, juga sa-ramai 27 orang pada pukul 1.45 tengah hari; dan penerbangan yang ke-4 sa-ramai 22 orang pada pukul 2.55 petang.

Gambar atas menunjukkan pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan di-bantu oleh anggota pulis sedang memeriksa sijil2 suntikan yang sah ka-atas jemaah2 haji sa-belum jemaah2 haji itu menaiki bas yang membawa mereka ka-Kuala Belait pada hari Isnin lepas untuk di-asingkan sa-lama lima hari.

Istiadat2 bergelar

(Dari Muka 1)

Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B. dalam tahun 1965.

Chiri gelaran dalam istiadat mengurniakan gelaran kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja itu telah di-bachakan oleh Mudim Awang Mohammad Yusuf bin Abdul Latif.

Istiadat2 mengurniakan gelaran Pehin kepada dua orang pegawai kerajaan itu telah di-saksikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.

M. B. lawat jemaah2 haji

KUALA BELAIT. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah melawat ka-tempat pengasingan jemaah2 haji di-bangunan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin semalam.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pen-

giran Muda Dato Paduka Kamaluddin Al-Haj telah juga menyertai lawatan itu dengan di-iringi oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan, Pemangku Pesuruhjaya Kebajikan, Hajjah Dayang Zahrah binte Haji Idris, Setia Usaha Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Metassan, Pegawai Perubatan Daerah Belait, Dr.



Kawalan ketat bagi cheghah merebak-nya penyakit ta'un

(Dari Muka 1)

penyakit tersebut sekarang beransor2 semboh dan sa-tengah-nya akan di-keluarkan tidak lama lagi.

Beliau menafikan khabar2 angin yang menyatakan adanya beberapa orang yang mati akibat penyakit tersebut.

Pengarah Perubatan itu menyuruh orang ramai supaya melaksanakan langkah2 kesihatan yang ketat dan berusaha sa-beberapa daya untuk mendapatkan suntikan menchegeh penyakit kolera dan mematohi langkah2 yang di-buat untuk menchegeh merebak-nya penyakit tersebut.

Kata-nya beberapa buah pusat menyuntik ubat kolera telah di-tubuhkan di-beberapa tempat di-seluruh negeri. Ini ada-lah untuk memestikan semua orang di-negeri ini di-beri suntikan bagi menchegeh penyakit tersebut.

Sa-lain dari itu rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter juga telah di-hantar ka-kampung2 pedalaman untuk memberikan suntikan kepada penduduk2 di-situ.

Dato Dr. Franks berkata, sa-takat ini sa-ramai 106,853 orang telah di-berikan suntikan ubat menchegeh penyakit tersebut.

Di-Daerah Brunei - Muara kawalan2 ketat maseh di-jalankan untuk menchegeh mere-

bak-nya penyakit tersebut.

Hanya beberapa buah kedai minuman dan restoran sahaja di-benarkan menjalankan perniagaan mereka sa-telah di-akui kebersehan kedai2 mereka oleh pegawai kesihatan.

Sebarang jamuan atau perjumpaan maseh lagi di-larang sa-hingga di-beritahu kelak.

Bagitu juga menangkap dan menjual ikan di-Kampung Ayer maseh lagi di-larang.

Dato Dr. P. I. Franks menyatakan bahawa ada-lah di-maksudkan untuk mengishti-harkan Negeri Brunei sa-bagai bebas dari jangkitan penyakit kolera 15 hari sa-lepas menerima kejadian penyakit tersebut yang terakhir sekali.



BANDAR BRUNEI. — Awang Selamat bin Munap, (gambar atas) sa-orang pegawai pentadbir di-Jabatan Pelajaran telah berlepas ka-Bangkok pada hari Isnin lepas untuk mengikuti kursus mengenai Pembangunan dan Peranchangan Ekonomi di-negeri Thai.

Awang Selamat yang mendapat biasiswa Bangsa2 Bersatu itu akan berada di-sana selama enam bulan.

Semasa menjalani kursus, Awang Selamat akan mempelajari semua aspek pembangunan dan peranchangan ekonomi termasuk hasil pendapatan negara, perangkaan dan perkembangan sumber tenaga manusia.

Awang Selamat telah berkhidmat dengan kerajaan sejak tahun 1967 sa-lepas beliau lulus dari universiti McGill di-Canada dengan memperolehi ijazah B. A. dalam jurusan sains politik ekonomi dan falsafah.